

Pekan: Menghasilkan sebuah robot Lego menyerupai kenderaan pacuan empat roda dalam tempoh dua jam masa yang diperuntukkan untuk seorang murid antara kemahiran yang ditunjukkan murid dalam pertandingan robotik peringkat sekolah rendah daerah ini.

Kemahiran murid menghasilkan robot yang memiliki kekuatan dan kestabilan akan dapat dinilai apabila pertandingan dua pusingan dimulakan.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Pelak, Mazni Mohamed @ Ibrahim berkata penganjuran pertandingan robotik itu berupaya menguji keupayaan serta kebolehan kira-kira 90 murid tahun lima dan tahun enam.

Menurutnya, mereka dibahagikan kepada lima kumpulan, setiap murid akan dibantu seorang penjaga (ibu atau bapa), guru dan pensyarah **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**.

Katanya, Lego dan semua peralatan menghasilkan robot kenderaan pacuan empat roda disediakan, kemahiran yang ada pada murid selepas belajar mata pelajaran reka bentuk teknologi (RBT) dapat membantu setiap murid.

Uji minda pelajar dalam masa dua jam

Harian Metro (lokal) 4/9/22 (Ahad) 4/9/22



MAZNI (kiri) membantu murid menghasilkan robot kenderaan pacuan empat roda.

“Pertandingan robotik antara acara yang dipertandingkan sempena program Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (Stem) yang menghimpunkan murid tahun lima dan enam.

“Dua robot yang reka bentuk hampir sama dengan kenderaan empat roda akan beradu kekuatan dengan menarik tali yang diikat pada dua robot terbabit.

“Pertandingan tarik tali robot yang semakin terkenal di negara ini merupakan pertandingan bertaraf antarabangsa,” katanya.

Pertandingan robotik peringkat sekolah rendah dae-

rah ini diadakan di Dewan Sekolah Kebangsaan (SK) Pelak di sini, baru-baru ini.

Mazni berkata, acara lain yang turut dipertandingkan ialah reka cipta Lego memabitkan 13 pasukan disertai murid tahun satu hingga tiga dan reka cipta taman haiwan disertai enam pasukan peserta terdiri daripada murid pra sekolah.

Beliau menambah, sokongan dan kepercayaan diberikan Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pekan, Mohd Razali Mustafar menjadi pembakar semangat kepada pihak sekolah untuk berusaha memberi yang terbaik.